

D524

R B028 BAH  
MAHATHIR - SEKOLAH

JITRA, 19 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN MAHU MELIHAT SEKOLAH-SEKOLAH MEMPUNYAI KEMUDAHAN YANG LEBIH BAIK.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN TIDAK MAHU LAGI MELIHAT KEADAAN ASRAMA SEKOLAH YANG BERSESAK-SESAK HINGGA BOLEH MENYEBABKAN KEJADIAN SEPERTI KEBAKARAN YANG BERLAKU DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA TAUFIQIAH KHAIRIAH AL-HALIMIAH PADA TAHUN LEPAS.

DALAM KEBAKARAN PADA AWAL PAGI 22 SEPT ITU, SERAMAI 27 ORANG PELAJAR PEREMPUAN TERBUNUH DAN LAPAN BLOK ASRAMA MUSNAH.

BELIAU BERKATA, WALAUPUN ORANG BOLEH MENGATAKAN KEJADIAN SEUMPAMA ITU SEBAGAI TAKDIR TETAPI TUHAN MENYURUH HAMBANYA BERIKHTIAR MENGELAK DARIPADA DITIMPA MALA PETAKA.

+KALAU KITA CARI MALA PETAKA LEPAS ITU KATA TUHAN YANG SALAH, ITU TAK KENALAH,+ KATANYA SEMASA BERUCAP MELANCARKAN TABUNG DERMA PELAJARAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA RAKYAT MADRASAH NAHDHAH HASANAH DI MELELE, DALAM DAERAH KUBANG PASU HARI INI. -- LAGI  
2142MST 19 10 90

D525

R B029 BAH  
MAHATHIR - SEKOLAH 2 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMINTA RAKYAT SUPAYA MEMBERI NILAI YANG TINGGI TERHADAP NYAWA MANUSIA SEBAGAI TANDA KESYUKURAN TERHADAP KURNIAAN TUHAN.

BELIAU JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA KERAJAAN MELULUSKAN \$100,000 UNTUK TABUNG BERKENAAN. BELIAU MENGHULURKAN SUMBANGAN PERIBADI SEBANYAK \$5,000.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI MENERIMA SUMBANGAN CEK DERMA DARIPADA SYARIKAT DAN ORANG PERSEORANGAN BAGI PIHAK SEKOLAH ITU YANG BERJUMLAH HAMPPIR \$5,000.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, YANG PULANG KE SINI SEHINGGA HARI MENGUNDI AHAD, DIJADUALKAN MELAWAT KAWASAN PARLIMEN PADANG SERAI DAN PENDANG ESOK.  
-- BERNAMA

2144MST 19 10 90